

Isu najis babi di Kampung Batu Laut

➔ Bau busuk itu mampu boleh sampai sehingga empat kilometer dan mengganggu jemaah Masjid Inayyatur Rahman di kampung

Keadaan Sungai Giling akibat najis babi.

Sungai Giling umpama loji kumbahan

➔ Aliran najis babi hitam pekat menyebabkan bau busuk hingga empat kilometer

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Tanjung Sepat

Bau busuk menyelubungi hingga membuatkan rasa loya, terpaksa diharungi sepanjang tempoh penulis bersama jurugambar, mengekori penduduk Kampung Batu Laut meninjau kawasan terjejas akibat pencemaran najis babi di situ.

Walaupun terletak kira-kira satu kilometer dari laut, namun tiada langsung udara segar pantai atau paya bakau menyelubungi kampung terbabit, sebaliknya hanya bau busuk menerpa ke hidung.

Tinjauan ke Sungai Giling, umpama melawat loji kumbahan najis terbiar ekoran air yang dialirkan berwarna hitam pekat.

Tiada hidupan mampu menjadikan saluran itu sebagai habitat, walaupun suatu ketika dulu, Sungai Giling yang terletak bersebelahan jalan utama, kira-kira enam kilometer dari Pantai Morib itu, menjadi habitat udang galah.

Bau sungai yang terlalu busuk membuatkan penduduk kampung yang menemani tinjauan ke situ juga tidak sanggup berada lama di lokasi terbabit.

Ketua Kampung Batu Laut, Mo-

hamad Azam Hashim, 45, berkata pencemaran bau semakin teruk jika hujan lebat dan air sungai yang pasang melimpah memasuki kebun sawit bersebelahan serta jalan raya.

Bau busuk itu mampu boleh sampai sehingga empat kilometer dan mengganggu jemaah Masjid Inayyatur Rahman di kampung itu.

Suasana serupa turut dirasai ketika meninjau jeti nelayan Tanjung Layang, terletak kira-kira tiga kilometer dari Sungai Giling, yang sudah tidak digunakan sejak enam tahun lalu kerana dicemari najis babi.

Walaupun mempunyai jalan masuk, namun sejak jeti itu tidak lagi digunakan nelayan, kawasan sekitar ditumbuhi semak samun termasuk pokok bakau meliar.

Selut berwarna hitam

Aliran najis babi menyebabkan selut dan air sekitar pangkalan nelayan terbabit turut berwarna hitam.

Tinjauan ke lokasi penternakan babi sekitar kampung itu mendapati kandang haiwan terbabit yang berselerak sekitar kebun sawit dan tepi jalan dalam tanah persendirian, begitu hampir dengan rumah penduduk setempat.

Semua pemilik kandang babi terbabit tidak tinggal di kawasan kampung itu, sebaliknya hanya diawasi pekerja mereka.

Ada dalam kalangan penternak sengaja membina pagar zink tinggi untuk mengelakkan pengguna jalan raya mengetahui aktiviti penternakan dijalankan di situ, manakala sebilangan menternak dalam ladang kelapa sawit.


Di kebanyakan kandang, mereka mengorek lubang besar dipercayai untuk dijadikan tangki septik namun menjelang malam, saluran tangki itu dibuka dengan sisa najis babi disalurkan ke sungai yang mengalir ke laut.



Pencemaran bau semakin teruk jika hujan lebat dan air sungai yang pasang melimpah memasuki kebun sawit bersebelahan serta jalan raya"

Mohamad Azam Hashim,
Ketua Kampung Batu Laut

Pencemaran dari kandang babi di Kampung Batu Laut, Tanjung Sepat



MENCARI AYAH KANDUNG YANG TERPISAH

Hashim bin Abdul Majid

- Tarik lahir: 9 Mei 1938
- Tempat lahir: Perak, Malaysia
- Residen Singapura antara 1965 hingga 1975
- Bekas pekerja British Army di Singapura
- Alamat terakhir di Singapura - 20D Stagmont Ring Road, Woodlands

Diminta Encik Hashim atau sesiapa yang mengenali beliau, sila emel ke aguss_siti@hotmail.com